



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/08/105 (HQ)

82 PERATUS DARIPADA 35,000 ANGGOTA TNB TELAH DIVAKSIN

Lapan puluh dua peratus daripada hampir 35,000 warga kerja **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** di seluruh Semenanjung dan Sabah telah pun menerima dos kedua suntikan vaksin COVID-19, hasil kesedaran yang tinggi untuk bersama-sama negara dan rakyat membendung penularan pandemik COVID-19.

Vaksinasi menyeluruh menjadi keutamaan syarikat utiliti berkenaan berikutnya sebahagian besar anggota kerjanya perlu berada di lapangan iaitu di seluruh rantaian tenaga bagi menjamin kestabilan bekalan, demi keselesaan rakyat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Operasi TNB adalah perkhidmatan perlu (*essential*) dalam usaha negara memerangi COVID-19, khususnya memastikan bekalan elektrik kekal stabil di lokasi-lokasi strategik termasuk hospital, pusat kesihatan, pusat simpanan vaksin dan pusat pemberian vaksin.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din berkata, menyedari harapan negara dan rakyat terhadap peranan itu, TNB melaksanakan kempen dalaman bagi menggalakkan seramai mungkin anggota kerjanya mendaftar untuk menerima vaksin di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Pada masa sama, katanya, TNB juga berusaha mendapatkan kerjasama pihak berkuasa di peringkat Persekutuan dan negeri bagi memudahkan warga kerjanya yang bertugas di barisan hadapan untuk mendapatkan vaksin dalam tempoh segera.

“Kempen dalaman ini telah berjaya mewujudkan imuniti kelompok yang diperlukan dalam kalangan warga kerja kami. Alhamdulillah, mereka mendaftar secara sukarela berikutnya wujudnya kesedaran dan keyakinan tentang perlunya mengawal penularan COVID-19 pada diri, ahli keluarga, kenalan dan pelanggan kami.

Tambahnya, selain kempen dalaman, syarikat utiliti elektrik negara itu juga menujuhkan sebuah *special taskforce* atau pasukan bertindak, khusus untuk program vaksinasi dalam usaha mempercepatkan proses vaksinasi anggota kerjanya.

“Terima kasih juga kami ucapkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli dan Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) yang membantu pasukan bertindak ini mendapatkan slot vaksinasi untuk warga kerja TNB.” kata Baharin.

S.A. 2021/08/105 (HQ)

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan pejabat kesihatan negeri-negeri yang memberi kerjasama dan memudahkan barisan hadapan TNB di negeri-negeri mendapatkan suntikan vaksin masing-masing.

Baharin juga berkata, bagi menyokong Pelan Pemulihan Negara TNB telah menetapkan hanya warga kerjanya yang telah menerima vaksin sahaja dibenarkan bekerja di lapangan (*work on site*) dan selagi boleh warga kerjanya masih digalakkan untuk bekerja dari rumah.

“TNB juga memandang serius keperluan warga kerja kami mendapatkan suntikan vaksinasi kerana ia dapat membantu usaha negara memulihkan keyakinan perniagaan dan seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi,” katanya lagi.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 5 Ogos 2021, jam 10:00 pagi

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /
Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524
atau emel kami: media@tnb.com.my*



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din